KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	22.09.22	MUKA SURAT	:	20
JABATAN	:	JMG			

Runtuhan batu tapak kuari



Anggota bomba ketika operasi mencari dan mengeluarkan rangka manusia kedua di lokasi insiden runtuhan batu tapak kuari di Keramat Pulai, Simpang Pulai, semalam. (Foto ihsan bomba)

Cebisan rangka kedua ditemukan

Ipoh: Cebisan rangka kedua tulang manusia dipercayai mangsa insiden runtuhan batu tapak kuari di Keramat Pulai, Simpang Pulai pada Mac lalu, ditemukan tengah hari semalam.

Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Perak, Muhamad Shahrizal Aris, berkata cebisan rangka berkenaan ditemukan kira-kira jam 12 tengah hari berhampiran lokasi jengkaut kedua yang ditemui kelmarin.

Bagaimanapun, katanya, usaha mengeluarkan rangka kedua itu terpaksa dihentikan sementara kira-kira jam 12.45 tengah hari semalam atas nasihat Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) berikutan hujan lebat.

"Operasi akan diteruskan bergantung kepada keadaan cuaca hari ini (semalam)," katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau berkata, operasi semalam dimulakan kira-kira jam 8 pagi semalam dengan 10 anggota termasuk seorang pegawai dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Simpang Pulai.

Sementara itu, Ketua Polis Perak, Datuk Mohd Yusri Hasan Basri, berkata setakat jam 5 petang kelmarin, operasi menemukan bangkai jengkaut yang disyaki dikendalikan oleh mangsa kedua dalam insiden itu.

Rangka jengkaut kedua ditemui di lokasi kejadian kira-kira tiga meter dari lokasi jengkaut pertama ditemukan jam 11.45 pagi kelmarin.

Pencarian di kawasan sekitar turut menemukan cebisan baju dan rangka manusia kira-kira setengah jam kemudian.

Dua mangsa dipercayai tertimbus dalam insiden runtuhan batu kuari di sini pada 8 Mac lalu, iaitu Itam Bah Lasoh, 43, dan Kheow Loo Siew Soon, 49.

BH220922_20